

# **AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994 DAN ENAKMEN MINERAL NEGERI-NEGERI: KAITAN DENGAN KTN 1965**

---

## **1. PENGENALAN**

1.1 Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah kerana telah mewarisi sistem pentadbiran tanah yang baik dan berkesan. Namun begitu tidak semua undang-undang dan peraturan berubah dan diselaraskan secepat yang diharapkan mengikut perubahan dan keperluan semasa. Salah satu darinya ialah perundangan berkaitan industri perlombongan dan pembangunan sumber mineral. Dasar dan undang-undang perlombongan telah digubal sebelum negara mencapai kemerdekaan tetapi masih dipakai oleh negeri-negeri sekarang dan tidak berupaya lagi memenuhi keperluan dan menangani permasalahan yang dihadapi oleh industri tersebut.

1.2 Kesan dari penguncupan sumbangan industri perlombongan kepada ekonomi negara menyebabkan mineral dan batuan yang terdapat di negeri-negeri tidak lagi dipandang sebagai sumber kekayaan. Negeri-negeri menoleh kearah lain sebagai sumber baru untuk menjana aktiviti ekonomi. Tetapi pada hakikatnya mineral tidak boleh dipisahkan dari pembangunan. Ia diperlukan dalam kehidupan harian manusia.

1.3 Menyedari keadaan ini, pada tahun 1989 pihak Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengambil langkah menyediakan satu dasar mineral serta perundangan yang lebih moden bagi memperbaiki kedudukan industri mineral dalam negara ini. Undang-undang yang disediakan bertujuan menggantikan pelbagai Enakmen Perlombongan Negeri-negeri sedia ada yang kesemuanya digubal sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Undang-

undang baru yang dimaksudkan ialah **Akta Pembangunan Mineral 1994** dan **Enakmen Mineral Negeri**. Akta Pembangunan Mineral 1994 akan dikuatkuasakan oleh agensi Persekutuan manakala Enakmen Mineral Negeri pula dipertanggungjawabkan keatas pihak negeri-negeri.

## 2. **APAKAH AKTA PEMBANGUNAN MINERAL 1994 DAN ENAKMEN MINERAL NEGERI (EMN)?**

2.1 Akta Pembangunan Mineral 1994 digubal untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengawalseliaan kerja penjelajahan (exploration), pencarigalian (prospecting) dan perlombongan mineral dan bijih mineral dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya. Manakala Enakmen Mineral Negeri-Negeri pula adalah untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya. Kedua-dua undang-undang tersebut menggantikan pelbagai Enakmen Melombong di negeri-negeri yang sedia ada.

2.2 Pemisahan keatas peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Melombong negeri-negeri dibuat selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan** di mana di bawah **Jadual 9** iaitu senarai perundangan, permit dan lesen mencarigali dan juga pajakan dan sijil melombong terletak dibawah senarai negeri (State List) manakala pembangunan sumber mineral, lombong, perlombongan, mineral dan bijih mineral terletak di bawah senarai persekutuan ( Federal List)

## 3. **KENAPA ENAKMEN MINERAL NEGERI (EMN) DIPERLUKAN**

3.1 Pada asasnya semua sumber mineral adalah **terletak hak** kepada kerajaan negeri. Memandangkan mineral ini adalah berbentuk anugerah dan oleh kerana ia tidak akan wujud di sebarang lokasi maka seharusnya ia tidak diketepikan dan diabaikan sama sekali. Kewujudan endapan mineral yang berekonomi untuk diusahakan perlu dimanfaatkan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Bergantung kepada pihak Berkuasa Negeri bagaimana sumber ini boleh dihasilkan, samada diusahakan sendiri melalui syarikat-syarikat kerajaan atau pun diberikan kepada pelabur untuk menghasilkannya. Kaedah yang kedua ini selalunya menjadi pilihan banyak kerajaan negeri kerana ia bukan sahaja tidak membebankan tetapi juga lebih menguntungkan, cepat dan berkesan dalam membangunkan sesuatu kawasan yang telah dikenalpasti mempunyai potensi mineral yang berekonomi. Kerajaan hanya **memajakkan** kawasan tersebut kepada pelabur dan mengutip cukai tertentu keatas mineral yang dihasilkan.

3.2 Perlombongan merupakan satu pelaburan yang berisiko tinggi dan mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan pulangan. Ini akan lebih ketara dalam kes perlombongan endapan mineral dalam batuan keras. Projek perlombongan lazimnya memerlukan modal yang besar serta teknologi yang tinggi. Kebanyakan pelombong yang mempunyai modal besar dan berteknologi tinggi ini adalah syarikat luar negara. Bagi menarik pelaburan yang besar ini, dasar dan perundangan yang lebih moden dan telus yang mirip kepada peraturan dan amalan antarabangsa perlu disediakan. Oleh itu EMN ini adalah jawapannya. EMN ini selain bertujuan menarik pelaburan, ia juga adalah untuk memperkemas pengawalan aktiviti perlombongan bagi menangani isu baru seperti persoalan berkaitan alam sekitar serta teknologi perlombongan moden yang diperlukan untuk mengerjakan dan mengusahakan endapan mineral dalam batuan keras. Permasalahan ini tidak dapat ditangani sepenuhnya dengan enakmen melombong yang sedia ada.

#### 4. CIRI-CIRI UTAMA ENAKMEN MINERAL NEGERI

4.1 Dengan adanya Akta Pembangunan Mineral 1994 dan juga Enakmen Mineral Negeri-Negeri ini maka **pemisahan** bidang kuasa antara Persekutuan dengan Negeri adalah jelas. Dalam Enakmen Mineral Negeri-Negeri kuasa pentadbiran akan berpusat di **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian**. Peruntukan di dalamnya lebih jelas dan terperinci jika dibandingkan dengan Enakmen Melombong yang sedia ada. Ini adalah baik untuk mengelakkan wujudnya terlalu banyak kuasa budibicara kepada pegawai yang mentadbir. Pemusatan pentadbiran Enakmen Mineral Negeri-Negeri membolehkan semua maklumat mengenai tenemen mineral tersimpan di satu tempat dan ini memudahkan pengurusannya.

4.2 EMN juga mempunyai peruntukan bagi pembentukan **Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JSMN)** yang bertanggungjawab menyelaras dan membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai pemohonan tenemen mineral. Keanggotaan JSMN ini terdiri dari **PTG** dan pegawai agensi teknikal lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan sebagainya. Jawatankuasa ini dijangka akan dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam menentukan pengurusan mineral negeri dilaksanakan dengan cekap dan telus. Ciri ketelusan adalah penting dalam menarik pelaburan ke dalam industri perlombongan dan mineral.

4.3 Selain ciri ketelusan, pelabur memerlukan “**security of tenure**” atas pelaburan mereka. Pengeluaran pajakan melombong berdasarkan hayat rezab enapan kepada pemegang lesen penjelajahan atau lesen mencarigali yang telah menemui endapan mineral yang berekonomi untuk diusahakan selepas menjalankan aktiviti mencarigali merupakan **satu jaminan** kepada pelabur..

4.4 Dalam EMN juga, Pihak Berkuasa Negeri setelah memperolehi maklumat yang relevan boleh **mewartakan** kawasan kepada beberapa kategori seperti berikut:-

- Kawasan untuk perlombongan
- Kawasan untuk tawaran bersaing ( competitive bidding)
- Kawasan rezab mineral
- Kawasan untuk Lesen Melombong Individu

4.5 Memandangkan Enakmen Melombong yang lama kurang berkesan dalam menyelesaikan keperluan semasa maka beberapa peruntukan baru telah dimasukkan dalam Enakmen Mineral Negeri. Peruntukan berkaitan kerja mencarigali diperkemaskan. Kebenaran kerja mencarigali ini boleh dikelaskan kepada beberapa jenis iaitu Lesen Penjelajahan dan Lesen Mencarigali. Lesen Mencarigali ini pula boleh diubah kepada Lesen mencarigali dengan Peluasan Batuan Keras bagi membolehkan pelabur meneruskan kerja carigali mereka dalam kawasan batuan keras yang memakan masa yang lebih panjang daripada kebiasaannya. Disamping itu pemegang lesen mencarigali perlu **mengemukakan laporan perbelanjaan dan kemajuan berkala** termasuk keputusan aktiviti mencarigali kepada Pengarah Tanah dan Galian.

4.6 Pemuliharaan **alam sekitar** dan pemulihan kawasan bekas lombong juga telah diberikan lebih perhatian. Sebelum permohonan pajakan melombong dipertimbangkan dan diluluskan beberapa hasil kajian perlu dikemukakan seperti kajian kebolehlaksanaan (feasibility study), pelan pemulihan lombong dan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) kepada Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri. Pengeluaran pajakan melombong hanya boleh diluluskan setelah pihak JSMN berpuas hati. Selain itu peruntukan mengenai penggunaan air dalam EMN adalah jelas. Ini membolehkan pemajak mengambil langkah

perlu untuk menjalankan aktiviti perlombongan diatas pajakan berkenaan dengan baik. Namun begitu penggunaan ini **tidak boleh mengganggu bekalan** kepada pengguna lain serta tidak merosakkan sungai dan punca air tersebut.

4.7 Dalam aspek pemulihan, pemegang pajakan melombong atau pengusaha lombong-lombong yang beroperasi perlu menyumbang kepada **Tabung Pemulihan Lombong** atau Tabung Pemulihan Bersama yang ditubuhkan. Dengan cara ini kawasan lombong akan dapat ditebusguna selepas aktiviti perlombongan tamat untuk membolehkannya dibangunkan oleh aktiviti ekonomi lain. Dengan mewujudkan keperluan ini beban pemulihan kawasan bekas lombong adalah keatas bahu pihak pelombong. Pihak kerajaan akan mengawalselia supaya matlamat penebusan semula tanah lombong dapat dicapai.

4.8 Satu lagi ciri yang menarik dalam EMN ialah peruntukan bagi **Lesen Melombong Tuan Punya**. Ia tidak terdapat dalam Enakmen Melombong lama melainkan dalam Enakmen negeri Johor. Peruntukan ini bertujuan untuk membolehkan **pemilik tanah** tersebut menjalankan aktiviti perlombongan di atas miliknya **tanpa perlu menyerahkan tanah untuk ditukar syarat** terlebih dahulu. Namun begitu permohonan dan kelulusan hendaklah diperolehi dari Pihak Berkuasa Negeri. Dalam kes ini pemilik tanah tersebut dikehendaki memulihkan tanahnya selepas dilombong.

4.9 Ada satu lagi senario yang boleh wujud di mana terdapat **enapan mineral dalam batuan keras** di bawah tanah bermilik. Sekarang ini aspek melombong dibawah tanah bermilik tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang jelas. Ada dua undang-undang yang berasingan yang

mbolehkan enapan ini diusahakan iaitu Enakmen Melombong dan Enakmen Melombong Bawah Tanah Bermilik 1941. Tetapi dalam hal ini EMN menyediakan peruntukan bagi menjalankan aktiviti perlombongan sebegini dan juga akses ke tanah tersebut Peruntukan ini tidak pula bermaksud pelombong boleh sewenang-wenangnya mengambil tindakan. **Kebenaran Pihak Berkuasa** Negeri perlu diperolehi dan tertakluk kepada beberapa syarat seperti tidak mengganggu dan menghalang tuan punya tanah bermilik tersebut menikmati haknya.

4.10 Dari aspek kewangan, ada peruntukan mengenai **pembayaran royalti** oleh pemegang tenemen mineral kepada Pihak Berkuasa Negeri ke atas mineral yang dilombong. Sekarang ini, ada di antara Enakmen Melombong negeri sedia ada yang tidak mempunyai peruntukan ini. Kewujudan peruntukan ini boleh memberikan sedikit insentif kepada pihak negeri. Kadar royalti adalah berasaskan kepada peratusan nilai pasaran atau berat atau isipadu mineral yang dikeluarkan bergantung kepada jenis mineral.

4.11 Ada kalanya aktiviti pencairigalian dan perlombongan akan menyebabkan masalah kepada pemegang hakmilik tanah yang **berjiran**. Untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul, diperkenalkan satu peruntukan bagi pemegang lesen mencarigali dan pajakan melombong mendeposit wang **sebagai jaminan** bagi tujuan bayaran pampasan kepada pihak yang terjejas akibat dari aktiviti pencairigalian dan perlombongan. Dalam hal ini **Pengarah Tanah dan Galian** adalah pegawai yang dipertanggungjawabkan sebagai penimbangtara.

## 5. FAEDAH KEPADA NEGERI

5.1 Sebelum sesuatu kawasan itu boleh dilombong ia perlu melalui beberapa proses. Kerja mencarigali perlu dijalankan untuk mengenalpasti kawasan yang berpotensi mineral. Ia juga secara tidak langsung dapat mengetahui yang sebaliknya. Maklumat ini amat berguna dalam **perancangan gunatanah negeri**. Ia memberi peluang kepada kerajaan menentukan kawasan yang boleh dibangunkan selepas mengetahui sesuatu kawasan tidak berpotensi mineral. Perancangan yang baik tidak akan mengakibatkan kawasan berpotensi mineral diabaikan.

5.2 Faedah yang diperolehi oleh pihak negeri bukan sahaja datang dalam bentuk cukai. Malahan hasil cukai yang dikutip daripada mineral mungkin tidak banyak jika dibandingkan dengan industri lain. Dengan menerimapakai EMN ini dan sekiranya perancangan rapi yang dibuat berjaya menarik pelaburan, industri perlombongan mampu memberi faedah dalam bentuk:

- **Pewujudan pekerjaan**
- **Penghasilan pertukaran asing**
- **Pewujudan industri hiliran dan sampingan**
- **Pembukaan kawasan baru**
- **Pembinaan infrastruktur**
- **Pembekalan bahan mentah**
- **Penggunaan optima sumber untuk peningkatan ekonomi**

5.3 Mungkin ada yang beranggapan bahawa EMN ini akan hanya relevan sehingga mana arang batu, timah, emas atau mineral berlogam lain terdapat di sesuatu tempat. Sebenarnya EMN ini boleh diperluaskan skopnya kepada



mineral perindustrian lain seperti **pasir** silika, tanah liat yang bermutu tinggi seperti kaolin, serisit dan lain-lainnya. Mineral perindustrian ini akan amat **diperlukan di masa hadapan**. Tidak keterlaluan jika setengahnya perlu dianggap sebagai bahan strategik bagi menampung keperluan industri tertentu.

## 6. KESIMPULAN

6.1 Sumber mineral yang telah **dianugerahkan** kepada setiap negeri seharusnya selari dengan pembangunan kekal yang lain. Lebih banyak usaha perlu dijalankan untuk menarik pelabur yang berminat untuk menjalankan kerja carigali dan seterusnya melombong. Dengan mempunyai dasar yang lebih terbuka kepada perlombongan pihak negeri tidak akan rugi. Malahan dengan mempunyai lebih maklumat mengenai kawasan berpotensi mineral, perancangan kegunaan tanah negeri akan lebih ketara. Enakmen Mineral Negeri ini mempunyai ciri-ciri yang baik yang **mampu menarik** pelaburan. Pelaburan ini seterusnya akan memberi banyak faedah dan menambah lagi sumber kewangan negeri.